

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JULAI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Nilai ringgit terus melonjak berbanding dolar AS

Kuala Lumpur: Ringgit diunjur mendapat manfaat daripada kadar inflasi yang semakin mereda di Amerika Syarikat (AS) serta dijangka meningkat secara berperingkat pada separuh kedua 2023, kata MIDF Research.

Justeru, firma penyelidikan itu mengekalkan unjuran akhir tahun bagi ringgit mencecah RM4.20 setiap dolar AS.

Inflasi pengguna AS turun kepada 3.0 peratus tahun ke tahun pada Jun 2023, paras terendah sejak Mac 2021, dan agak rendah berbanding 3.1 peratus yang dijangkakan.

"Inflasi yang semakin berkurangan, antara lain

Nilai ringgit terus melonjak berbanding dolar AS

disebabkan oleh kesan asas tinggi, pasaran buruh yang lebih lemah dan kesan negatif dasar ketat oleh Rizab Persekutuan (Fed)," kata MIDF Research dalam nota, semalam.

Bagaimanapun, ia menambah memandangkan inflasi teras yang masih tinggi, penambahan 25 mata asas (bps) lagi pada Julai 2023 berkemungkinan berlaku sebelum Rizab Persekutuan mempertimbangkan untuk menangguhkan seketika.



Dari sudut teknikal, USD/MYR boleh turun ke paras 4.5750 dan 4.5250 dalam beberapa minggu akan datang."

Rodrigues Diniz

Nilai ringgit terus melonjak berbanding dolar AS semalam apabila mata wang negara maju itu me-

nyusut disebabkan data Indeks Harga Pengguna (IHP) AS bagi Jun 2023 yang lebih rendah daripada jangkaan.

Peniaga ActivTrades, Dyogenes Rodrigues Diniz berkata, pengumuman IHP menunjukkan dasar monetari yang diterima pakai oleh Fed telah memberikan kesan yang diingini dan pelabur sudah mula tertanya-tanya bila Fed akan mula menurunkan kadar faedah.

"Dari sudut teknikal,

USD/MYR boleh turun ke paras 4.5750 dan 4.5250 dalam beberapa minggu akan datang," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanim Zam Abdul Rashid, berkata Indeks Dolar AS (DXY) terus merosot kepada 100.568 mata manakala hasil Perbendaharaan AS 10 tahun jatuh kira-kira 10 mata asas kepada 3.86 peratus.

"Justeru, ringgit sepatutnya mendapat manfaat daripada ini kerana Fed mungkin mengubah pendirian dasar monetarinya pada satu ketika pada masa hadapan," katanya.